

PEKELILING PENGAJARAN-UKM

PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 5/2022 (Tarikh : 22 Ogos 2022)

SEMUA WARGA AKADEMIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

- I. PEMAKAIAN ISTILAH PENILAI LUAR BAGI MENGGANTIKAN PEMERIKSA LUAR UNTUK SEMUA PROGRAM AKADEMIK
- II. PENYETARAAN KADAR BAYARAN HONORARIUM BAGI LANTIKAN PENILAI LUAR, PENASIHAT LUAR DAN LEMBAGA PENASIHAT
- III. PROSES LANTIKAN PENILAI LUAR, PENASIHAT LUAR DAN LEMBAGA PENASIHAT

Merujuk Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 9/2022 bertarikh pada 2 Ogos 2022 lalu, telah meluluskan satu Kertas Kerja MPU Bil.152/2022 seperti perkara di atas dan berkuatkuasa mulai Ogos 2022. Sehubungan itu, pihak Fakulti/Pusat/Institut dimohon mengambil perhatian terhadap perkara ini.

Perinciannya adalah seperti berikut:

1.0 Penggunaan Istilah Penilai Luar

Berdasarkan saranan pihak *Malaysian Qualifications Agency* (MQA), penggunaan istilah **penilai luar** akan digunakan bagi menggantikan pemeriksa luar bagi mengelakkan kekeliruan mulai lantikan Julai 2022.

2.0 Bayaran Honorarium Penilai Luar

2.1 Kadar bayaran bagi penilai luar dengan menggunakan peruntukan Pengajaran-UKM seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kadar Bayaran Penilai Luar dan Anggaran Peruntukan Tahunan

Kadar Bayaran	Tempoh Lantikan	Program / Jumlah Setahun
RM1600 atau USD400	3 tahun	150 program / RM 240,000.00

2.2 Pembayaran akan dibuat melalui Pengajaran-UKM berdasarkan permohonan daripada pihak Fakulti/Pusat/Institut mengikut tugas yang diberikan kepada penilai luar yang dilantik sehingga Disember 2022. Manakala, bayaran akan dibuat secara terus oleh

pihak Bendahari UKM mulai Januari 2023. Proses permohonan adalah menggunakan proses arahan bayaran sedia ada.

3.0 Bayaran Honorarium Penasihat Luar

- 3.1 Kadar bayaran bagi penasihat luar menggunakan peruntukan Fakulti/Pusat/Institut berdasarkan pengiraan seperti Jadual 2.

Jadual 2: Kadar Bayaran Honorarium Penasihat Luar

Kadar bayaran	Tempoh Lantikan	Jumlah
RM1200 atau USD300	3 tahun	Anggaran RM400 atau USD100 setahun

- 3.2 Pembayaran akan dibuat oleh pihak Fakulti/Pusat/Institut berdasarkan tugas yang diberikan kepada Penasihat Luar yang dilantik dengan menggunakan peruntukan masing-masing. Bayaran boleh dibuat sekurang-kurangnya tiga kali sepanjang tempoh lantikan.

4.0 Bayaran Honorarium Lembaga Penasihat

- 4.1 Kadar bayaran bagi lembaga penasihat menggunakan peruntukan Fakulti/Pusat/Institut berdasarkan pengiraan seperti Jadual 3.

Jadual 3: Kadar Bayaran Honorarium Lembaga Penasihat

Kadar bayaran	Tempoh Lantikan	Jumlah
RM1800 atau USD450	3 tahun	Anggaran RM600 atau USD150 setahun

- 4.2 Pembayaran akan dibuat oleh pihak Fakulti/Pusat/Institut berdasarkan tugas yang diberikan kepada lembaga penasihat yang dilantik dengan menggunakan peruntukan masing-masing. Bayaran boleh dibuat sekurang-kurangnya tiga kali sepanjang tempoh lantikan.

Oleh itu, pihak Fakulti/Pusat/Institut adalah diminta untuk memperhalusi dan memperkasa peranan serta tanggungjawab penilai luar, penasihat luar dan lembaga penasihat seperti skop tugas dalam Lampiran A.

Yang benar,


PROF. IR. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD. IHSAN
Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum

PANDUAN PERANAN PENILAI LUAR (*EXTERNAL ASSESSOR*), PENASIHAT LUAR (*EXTERNAL ADVISOR*) DAN LEMBAGA PENASIHAT (*ADVISORY BOARD*)

PERKARA	PENILAI LUAR (<i>External Assessor</i>)	PENASIHAT LUAR (<i>External Advisor</i>)	LEMBAGA PENASIHAT (<i>Advisory Board</i>)
Kriteria	<p>a. Individu luar dari UKM yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/ atau pengalaman dalam bidang yang dilantik.</p> <p>b. Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UKM yang melantik mereka sebagai penilai/ pemeriksa luar (<i>No conflict of interest</i>).</p>	<p>a. Individu luar UKM yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/ atau pengalaman dalam bidang yang dilantik.</p> <p>b. Individu boleh mempunyai ikatan secara tidak langsung dengan UKM yang melantik. Contohnya bekas tenaga pengajar atau alumni program yang berkaitan di UKM berkenaan.</p>	<p>a. Individu luar UKM.</p> <p>b. Mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan.</p> <p>c. Individu yang memegang jawatan tinggi dan dihormati dalam UKM, industri atau organisasi (kriteria tertakluk kepada fungsi lembaga penasihat yang ditubuhkan oleh UKM)</p>
Tahap Penglibatan	Kursus/Program	Program	UKM/ Jabatan/ Fakulti
Peranan	Memastikan UKM mengamalkan/ memenuhi/ mengekalkan/ mencapai standard akademik bagi kursus/kursus-kursus yang berkenaan berdasarkan standard yang telah ditetapkan.	Lazimnya memberikan cadangan dan pandangan di peringkat awal berkenaan kesesuaian reka bentuk program dan semasa semakan semula program.	Antara peranan Lembaga Penasihat adalah seperti berikut: <p>a. Membantu membuat keputusan dan menentukan hala tuju UKM/ jabatan/ fakulti dan memastikan ia berada pada landasan yang betul.</p> <p>b. Menyediakan hubungan luar dan meningkatkan komunikasi antara pihak UKM dengan pihak berkepentingan. (Contohnya, kebolehpasaran graduan dan peluang penyelidikan).</p>

Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> a. Menyemak/ memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar. b. Menyemak/ memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian. c. Menyediakan laporan penilaian dan dihantar kepada Naib Canselor/ Pengurusan Tertinggi UKM sama ada program/ kursus yang terlibat dijalankan mengikut ketetapan standard yang telah ditetapkan. Kebiasaannya dokumen adalah SULIT. d. Memberi cadangan/ pandangan terhadap kurikulum program (jika perlu). 	<ul style="list-style-type: none"> a. Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti. b. Laporan dihantar kepada Ketua Program. 	<p>Memberi nasihat berkenaan projek, keputusan berkaitan undang-undang, kewangan dan lain-lain yang berkaitan. (tertakluk kepada fungsi lembaga penasihat yang ditubuhkan oleh UKM)</p>
Skop Penglibatan	Sebelum dan selepas peperiksaan akhir.	Peringkat awal pembangunan program dan semakan semula program.	Memberi tumpuan kepada hala tuju strategik yang lebih luas kepada UKM/ jabatan/ fakulti.
Pelantikan	<ul style="list-style-type: none"> a. Dicalangkan oleh Fakulti. b. Dilantik dan diluluskan oleh Naib Canselor/ Pengurusan Tertinggi UKM. 	<ul style="list-style-type: none"> a. Dicalangkan oleh Ketua Program. b. Dilantik dan diluluskan oleh Fakulti. 	<p>Dilantik oleh Pengurusan Tertinggi UKM/ jabatan/ fakulti. (tertakluk kepada fungsi lembaga penasihat yang ditubuhkan oleh UKM)</p>